



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH
PROGRAM NATIONAL MICRO ENTERPRISE PITCHING
COMPETITION 21'
TARIKH: 19 DISEMBER 2021 (AHAD), JAM: 3.00 PETANG
DI DEWAN CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA (UTeM)

Bismillahir Rahmanir Rahim,

**Alhamdulillahil Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu
A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi
Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,**

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke **Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah sempena Program National Micro Enterprise Pitching Competition 21'** pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berbesar hati dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran **Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi** dan pengurusan tertinggi Kementerian Pengajian Tinggi, wakil-wakil pengurusan Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti ke Negeri Melaka, Bandaraya

Bersejarah Warisan Dunia pada hari ini.

3. Orang Melaka tidak sah kalau tidak berpantun. Justeru, bagi mengalu-alukan kedatangan **Yang Berhormat Datuk Seri Dr Noraini** dan semua tetamu ke Negeri Melaka, terimalah pantun “Selamat Datang” daripada saya:

***Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamu datang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.***

4. Di kesempatan ini juga, saya turut mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk hadir sama pada **Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Program "National Micro Enterprise Pitching Competition 21"**.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

5. Untuk makluman semua, dulu, sebelum bergelar Yang Berhormat dan menjadi Ketua Menteri Melaka, saya juga pernah terlibat dalam dunia keusahawanan dan perniagaan khususnya dalam

industri minyak dan gas. Melalui penglibatan tersebut, Alhamdulillah, sememangnya saya tahulah serba sedikit tentang selok-belok bidang perniagaan dan keusahawanan ini.

6. Sudah menjadi adat dalam apa juga bidang perniagaan, ada kalanya untung, ada masanya rugi. Jatuh dan bangun, pasang dan surut, semuanya pernah dirasai.
7. Sungguhpun demikian, suka saya berpesan kepada semua, terutamanya pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sekalian, agar jangan mudah mengalah. Sebaliknya, teruskan gigih berusaha sehingga

berjaya. Banyakkan bersabar dan berdoa. Insya-Allah anda semua mampu mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan ini.

8. Apatah lagi, dalam Islam juga, bidang keusahawanan atau perniagaan ini sememangnya suatu pekerjaan yang mulia dan amat digalakkan, kerana sembilan daripada sepuluh punca rezeki juga adalah dalam bidang perniagaan ini. Malah, Baginda Rasulullah SAW sendiri sebelum diangkat menjadi Rasul, Baginda juga terlibat dalam bidang perniagaan sejak usia muda lagi.

9. Begitu juga dengan para sahabat Baginda Rasulullah SAW seperti Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Zubair Al-Awwam dan ramai lagi, kebanyakannya turut melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

Tuan-tuan, dan puan-puan, pelajar-pelajar yang dihormati sekalian;

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL DAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

10. Seperti kita sedia maklum, **Dasar Keusahawanan Nasional** yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun **2019** telah mensasarkan Malaysia untuk menjadi

sebuah **‘Negara Keusahawanan’** atau **‘*Enterpreneurial Nation*’** yang unggul menjelang tahun **2030**.

11. Secara umumnya, objektif dasar tersebut adalah untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif melalui peningkatan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, iltizam untuk meningkatkan keupayaan usahawan tempatan, khususnya dalam sektor industri kecil dan sederhana turut menjadi tumpuan.

12. Hakikatnya, dasar ini memaparkan betapa pentingnya agenda keusahawanan sebagai pemangkin kepada kebangkitan ekonomi negara yang inklusif. Dalam hal ini, pembentukan masyarakat yang berpemikiran keusahawanan merupakan inti pati penting untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul.

13. Kesenambungan dasar ini dapat kita lihat dengan jelas di bawah aspek keberhasilan yang ditekankan oleh Prinsip Panduan Kemakmuran Bersama yang pertama, iaitu '**Kemakmuran Berterusan**'. Prinsip ini menjadikan penyertaan dan penguasaan dalam

industri baharu terutamanya oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan syarikat permulaan atau "**startup**" sebagai satu daripada enam keberhasilan yang perlu diberi tumpuan. Begitu juga di bawah prinsip yang keempat, iaitu '**Ekonomi Teragih**', di mana peningkatan jumlah dan nilai ditambah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi setiap negeri turut diberikan penekanan.

14. Bajet 2022 yang dibentangkan baru-baru ini di Parlimen, memperlihatkan komitmen kerajaan untuk terus menyokong perkembangan agenda keusahawanan di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, pelajar-pelajar yang dihormati sekalian,

MENYEMARAK AGENDA KEUSAHAWANAN NASIONAL DI PERINGKAT NEGERI

15. Dalam konteks Kerajaan Negeri Melaka pula, sudah tentu misi serta hala tuju Kerajaan Negeri turut ditetapkan selaras dengan dasar-dasar nasional yang saya sebutkan tadi. Misalnya, di bawah misi Kerajaan Negeri berdasarkan perkataan **T-E-R-A-S**, **E** merujuk kepada ***Entrepreneurship***, iaitu untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang memberi fokus kepada bidang keusahawanan.

16. Begitu juga dalam dokumen **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)** melalui **Flagship Kelima** ada menyatakan, **Melaka Sebagai Negeri Usahawan**. Ia akan memfokuskan kepada usaha untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif dengan penglibatan aktif kepimpinan Kerajaan Negeri.

17. Sehubungan dengan ini juga, Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian untuk terus memacu ekonomi rakyat tempatan di bawah **"Melaka Key Result Area (MKRA)"** yang **keempat**, iaitu

Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan, dan MKRA kelima, iaitu Pemerkasaan Industri Pelancongan dan Pendidikan di Tahap Global.

18. Jika boleh saya sebutkan di sini, antara sebahagian daripada usaha yang kita laksanakan adalah dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan dan peluang mengikuti latihan keusahawanan di samping membangunkan kompleks-kompleks perniagaan, gerai dan pusat-pusat penjaja 'Melaka Agro Market'.

19. Selanjutnya dalam usaha mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pelancongan tersohor dunia, Kerajaan Negeri Melaka juga akan terus menerokai program pembangunan koperasi sebagai penggerak ekonomi masyarakat melalui pelbagai bidang keusahawanan sosial yang melibatkan masyarakat desa.

20. Semuanya adalah demi meningkatkan sosioekonomi rakyat tempatan. Insya-Allah, Kerajaan Negeri akan sentiasa bersedia membantu usahawan-usahawan yang menyumbangkan kira-kira **90 peratus** kepada kekuatan ekonomi negeri ini, untuk

mengembangkan perniagaan.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

21. Di kesempatan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi atas kerjasama yang jitu dengan Kerajaan Negeri dalam pelbagai bidang seperti melalui **PENJANA KPT-CAP** untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan di negeri ini.

22. Justeru, besar harapan saya agar lebih banyak kerjasama akan dilaksanakan seperti ini, khususnya yang melibatkan pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan Kerajaan Negeri, baik dari aspek perkongsian kepakaran, fasiliti dan sebagainya.

23. Akhir kalam, saya berharap agar program seumpama ini akan menjadi batu loncatan kepada hasrat negara dalam melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya daripada golongan muda seperti para pelajar sekalian.

24. Sekali lagi, saya merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada tuan rumah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan semua pihak yang bertungkus-lumus dalam mengatur dan menjayakan majlis pada petang ini.

25. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Penutupan Dan Penyampaian Hadiah Program National Micro Enterprise Pitching Competition 21'**.

Sekian, Waallahua'lam.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.